



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

SIARAN MEDIA

PENUTUPAN SYARIKAT KESAN DARIPADA COVID-19

1. Laporan yang dikeluarkan oleh Malaysiakini pada 11 November berhubung “Lebih 30,000 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menutup operasi mereka sejak pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) akibat COVID-19 yang bermula pada Mac lalu” adalah **adalah tidak tepat**.
2. Merujuk kepada jawapan bertulis Parlimen pada 5 November 2020, MEDAC telah menyatakan bahawa berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), **jumlah keseluruhan syarikat dan perniagaan yang menutup operasi** bermula pada 18 Mac sehingga 9 Jun 2020 adalah sebanyak 9,675 syarikat dan bagi tempoh 10 Jun sehingga September 2020 pula, sebanyak 22,794 syarikat juga telah menutup operasi.
3. Kenyataan ini menunjukkan bahawa dalam tempoh Mac hingga September, ianya **bukan hanya merujuk kepada syarikat PKS yang menutup operasi tetapi merangkumi keseluruhan Syarikat yang berdaftar dengan SSM**.
4. Walaubagaimanapun, berdasarkan data yang dikeluarkan oleh pihak SSM, bermula pada 1 April sehingga 19 Julai 2020, sebanyak **82,555 perniagaan baru telah didaftarkan**. Ini menunjukkan bahawa dalam situasi semasa COVID-19, ianya

tidak menghalang sesiapa sahaja untuk menceburi bidang perniagaan tetapi perlulah mengikut kehendak semasa iaitu dengan menggunakan platform e-dagang sebagai salah satu medium pemasaran produk atau perkhidmatan.

5. MEDAC sentiasa mengambil langkah proaktif dan menyarankan agar para usahawan juga perlu sentiasa berfikiran positif dalam menghadapi situasi semasa penularan wabak COVID-19 dengan langkah-langkah seperti berikut:

- Bersiap sedia kemaskan diri dan perniagaan dengan perkongsian pengetahuan yang disediakan secara percuma oleh Agensi Kerajaan bagi mendapatkan *the new way of doing business*.
- Adaptasi perniagaan dengan norma baharu kehidupan, perkasakan perniagaan melalui *digitalization* dan perhebatkan strategi promosi.
- PKS disarankan untuk mengekalkan data maklumat pelanggan, mengekalkan perhubungan dengan pelanggan, mengekalkan jenama produk mereka supaya pelanggan tidak melupakan produk mereka selepas tempoh PKP.

6. Sebarang maklumat lanjut boleh layari www.medac.gov.my atau hubungi talian 1-300-88-1020.

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
13 NOVEMBER 2020